

Teliti pelaksanaan program BA100

**Untuk
kurangkan
harga barangan
dan peranan
orang tengah**

PUTRAJAYA

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan meneliti pelaksanaan inisiatif program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barangan, mengurangkan peranan orang tengah dan mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas.

Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail** yang memperkerusi MTSHN itu berkata, pelaksanaan BA100 akan melibatkan Kementerian Pembangunan Usahawan

(MED), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), dalam usaha kerajaan menangani kos sara hidup.

Menurutnya, koperasi yang mempunyai keanggotaan seramai 6.1 juta orang setakat 30 Jun 2018 dapat memainkan peranan penting bagi membantu kerajaan menangani kos sara hidup melalui program pembangunan pemborong, peruncitan dan pertanian.

"Melalui pemborong dan peruncitan, ia melibatkan pengukuhan serta pemantapan pusat pengedaran koperasi.

"Peruncitan melibatkan pembangunan produk koperasi dan pertanian pula melibatkan penternakan, perikanan, sayur serta buah dan input pertanian," katanya pada sidang media selepas memperkerusi



Wan Azizah (kanan) dan Saifuddin pada sidang media selepas memperkerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam.

mesyuarat ketiga MTSHN di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pembangunan Usahawan, Da-

tuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Sementara itu, **Saifuddin** berkata, BA100 ialah 100 barang asas termasuk tepung, gula, beras dan barangan yang biasa dibeli orang ramai hasil pemertanian yang dibuat pihak koreksi.

"Ideanya ialah jika mereka boleh senaraikan 100 barang asas ini dan mengulas ekosistem yang melibatkan pemborong, pengedaran dan peruncitan serta mempunyai kedai, maka 100 barang ini dapat dijual di kedai mereka dengan harga yang lebih rendah," katanya.

Dalam pada itu, **Dr Wan Azizah** berkata, MTSHN juga bersejua untuk membangunkan program QFish ke seluruh negara dengan menggunakan teknologi pembekuan ikan secara Individual Quick Freezing dalam membantu kerajaan menstabilkan har-

gikan di pasaran. "Program QFish ini menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran kapasiti ikan daripada 561 metrik tan (MT) kepada 3,500 MT setahun.

"Usaha ini juga bagi mengesang masalah kekurangan ikan di pasaran," katanya.

Wan Azizah turut mengemukakan pelantikan lima anggota baharu MTSHN iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **Datuk Ignatius Darrel Leiking**; Peguam Negara, **Tommy Thomas**; Ahli Parlimen **Jeli**, **Datuk Seri Mustafa Mohamed**; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), **Suzana Shukri** dan Presiden Majlis Belia Malaysia, **Jufri Joha**. - **Bernama**

